

BAB KEDUA

BAB KEDUA

PENTADBIRAN PEJABAT MUFTI NEGERI SELANGOR


2.1 Struktur Organisasi



Pejabat Mufti Negeri Selangor (PMNS) telah diasingkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada bulan Februari 1995.¹ Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menghantar satu surat pekeliling yang menyatakan bahawa Bahagian Fatwa di bawah Jabatan Agama Islam hendaklah diasingkan dan dijadikan satu badan yang tersendiri.² Oleh yang demikian, negeri-negeri lain di Malaysia turut mengasingkan Bahagian Fatwa dari pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri.³

Di peringkat awal, kedudukan Mufti dalam struktur organisasinya yang terdahulu dapat dilihat sebagaimana carta 1 di bawah:

Carta 1

Carta Organisasi Majlis Ugama Islam Tahun 1969





(Sumber: Fail Pejabat Ugama Islam Sabak Bernam 1956-1974, bil. 4/71)

Carta di atas menunjukkan terdapat empat bahagian di bawah Yang di Pertua Majlis Ugama Islam iaitu Pejabat Majlis Ugama, Jawatankuasa Rayuan (Apil), Pejabat Ugama Islam (Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam) dan juga Mufti. Mufti terus berada di bawah arahan Yang di Pertua berdasarkan carta tersebut dan ini menunjukkan Mufti mempunyai kedudukan yang tinggi. Dalam masa yang sama Mufti turut mempengerusikan Jawatankuasa Undang-Undang Ugama yang diletakkan di bawah Majlis.

Terdapat lima buah jawatankuasa di bawah Majlis Ugama Islam Selangor. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Undang-Undang Ugama, Jawatankuasa Fatwa, Jawatankuasa Majlis, Jawatankuasa Memilih Guru-Guru Ugama dan juga Jawatankuasa Memilih Pegawai-Pegawai Ugama. Sebenarnya, terdapat sedikit kekeliruan pada dua buah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Undang-Undang Ugama dan Jawatankuasa Fatwa. Ini kerana, selain daripada menggunakan nama Jawatankuasa Undang-Undang Ugama, jawatankuasa ini juga dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa. Justeru, penulis berpendapat kedua-dua jawatankuasa yang dinyatakan itu hanyalah sebuah jawatankuasa sahaja iaitu Jawatankuasa Undang-Undang Ugama.

Sistem pentadbiran agama Islam tidak banyak berubah disebabkan faktor-faktor persekitaran. Keadaan politik dan suasana dalam negara pada ketika itu masih tidak stabil akibat ancaman pihak komunis.⁴ Di samping itu juga berlaku satu

pertumpahan darah di antara orang-orang Melayu dan Cina sehingga menyebabkan berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei 1969⁵ serta peristiwa Tanah Melayu dilanda banjir besar pada tahun 1971.⁶

Oleh itu, struktur organisasi Majlis Ugama Islam Adat Istiadat Melayu Selangor dan Pejabat Ugama Islam tidak begitu teratur. Bagi mengatasi masalah ini, satu usaha untuk memperbaikinya telah dijalankan dan satu surat pekeliling oleh Yang di Pertua Pejabat Ugama Islam Selangor menyatakan bahawa pegawai Pentadbir Malaysia Barat akan membuat kajian berkenaan dengan sistem pentadbiran Pejabat dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor.⁷ Akan tetapi kajian ini terpaksa dihentikan pada awal tahun 1970 dan hanya disambung semula pada Mac 1971.⁸ Hasil daripada kajian inilah, Pejabat Ugama Islam dan Majlis telah dicantumkan pada 24 April 1973 dan dinamakan JAIS.⁹ (carta organisasinya tidak diperolehi oleh penulis).

Percantuman tersebut tidak lama kerana rombakan terhadap struktur organisasi tersebut telah dibuat di mana MAIS dan JAIS telah dipisahkan semula. Dalam rombakan ini, kedudukan MAIS lebih tinggi berbanding dengan JAIS kerana MAIS merupakan pembuat dasar bagi setiap perkara yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam dan JAIS adalah pelaksana kepada dasar-dasar yang dibuat oleh MAIS. Mufti telah diletakkan di bawah pentadbiran JAIS dan

mempengerusikan bahagian Fatwa. Dalam masa yang sama, Mufti turut menjadi ahli MAIS. Kedudukan Mufti boleh dilihat dalam carta di bawah:

Carta 2

Carta Organisasi Jabatan Agama Islam Selangor Tahun 1984



(Sumber: JAIS)

Dalam struktur organisasi di atas, bahagian Fatwa merupakan salah satu daripada bahagian yang diletakkan di bawahnya bersama-sama dengan jawatankuasa yang lain iaitu bahagian Kehakiman (Mahkamah Syariah), bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, bahagian Pentadbiran dan Kewangan, bahagian


pelajaran Agama Islam, bahagian Penguatkuasa, bahagian Penerangan dan Dakwah, bahagian Masjid dan Tanah Wakaf, bahagian Pembangunan dan Pelaburan dan juga bahagian Baitulmal dan Zakat.¹⁰

Namun, satu perubahan besar telah berlaku pada Februari 1995 apabila Pejabat Mufti Negeri Selangor (PMNS) telah ditubuhkan. Kesan daripada pengasingan ini, PMNS telah mempunyai kakitangannya sendiri tanpa lagi bergantung kepada JAIS sepertimana dahulu. Carta di bawah menunjukkan struktur organisasi semasa PMNS ditubuhkan:

Carta 3

Carta Organisasi Pejabat Mufti Negeri Selangor 1995





(Sumber: Risalah Pengenalan Ringkas PMNS)

Carta di atas jelas menunjukkan terdapat tiga badan yang berasingan di bawah MAIS iaitu PMNS, JAIS dan Mahkamah Syariah. Kedudukan ini meletakkan Mufti di bawah MAIS secara terus.

Walaupun dikatakan PMNS telah diasingkan dari JAIS, tetapi pada hakikatnya, PMNS masih bergantung kepada JAIS dari segi pentadbiran dan kewangan. Hanya pada tahun 1998 PMNS menjalankan sendiri urusan pentadbiran dan kewangannya tanpa perlu bergantung kepada JAIS.¹¹ Perkara ini berlaku kerana kekurangan kakitangan di mana keseluruhan jawatan hanya dapat diisi sepenuhnya pada tahun 1999.

Mufti mengetuai pentadbiran PMNS dengan dibantu oleh kakitangan kumpulan pengurusan dan profesional dan juga kakitangan sokongan. Kumpulan pengurusan dan profesional yang membantu Mufti ialah Timbalan Mufti dan


seorang pegawai hal ehwal Islam. Manakala yang selebihnya adalah termasuk dalam kumpulan kakitangan sokongan.

Berdasarkan carta 3, didapati PMNS mempunyai dua bahagian di bawah struktur organisasinya iaitu bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan juga bahagian Penyelidikan. Mufti dan Timbalan Mufti berada di atas kedua-dua bahagian ini. Bahagian Penyelidikan PMNS diketuai oleh Pegawai hal ehwal Islam dan dibantu oleh penolong pegawai hal ehwal Islam serta pembantu hal ehwal Islam. Walaupun dinyatakan PMNS mempunyai bahagian Penyelidikan, PMNS sebenarnya masih bergantung kepada bahagian Penyelidikan JAIS sehinggalah kajian ini dibuat terutamanya dalam kes ajaran sesat.¹² Manakala bahagian Pentadbiran dan Kewangan diselenggara oleh penolong pegawai tadbir. Pembahagian ini dapat membezakan fungsi di antara kedua bahagian tersebut serta memudahkan pelaksanaan tugas yang diberikan.

Namun, struktur organisasi PMNS sekali lagi telah diubah sepertimana yang dapat dilihat dalam carta 4 di bawah ini yang diguna pakai hingga kajian ini ditulis:

Carta 4

Carta Organisasi Pejabat Mufti Negeri Selangor 1999



(Sumber: PMNS)

Hanya sedikit perbezaan dibuat di antara struktur organisasi dalam carta 4 dan carta 3. Perbezaan yang ketara ialah pada kedudukan Timbalan Mufti dengan pegawai hal ehwal Islam. Pada carta 3, kedudukan Timbalan Mufti dilihat lebih tinggi daripada pegawai hal ehwal Islam akan tetapi, berbeza dengan carta 4 di mana kedua-dua jawatan kelihatan sama tarafnya.

Bahagian Penyelidikan sebagaimana yang terdapat dalam carta 3 telah diubah kepada bahagian Istinbat. Namun, tiada perubahan lain kerana bahagian-bahagian yang terdapat dalam organisasi PMNS masih lagi sama di mana terdapat dua bahagian di bawahnya iaitu bahagian Istinbat dan bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Dalam carta ini juga menunjukkan pegawai hal ehwal Islam dipertanggungjawabkan ke atas kedua-dua bahagian yang ada di PMNS.

Walau apapun, berdasarkan kepada semua carta organisasi yang dibincangkan didapati kedudukan Mufti masih dikekalkan sebagai ketua di bahagian fatwa dari dulu hinggalah sekarang. Penubuhan PMNS sekarang ini kelihatan seperti kembali kepada struktur organisasi yang ada pada tahun 1969 atau carta 1, di mana Mufti terus berada di bawah Majlis Ugama Islam. Ianya berbeza sekali dengan keadaan Mufti selepas JAIS ditubuhkan. Apabila Mufti dan bahagian Fatwa diletakkan di bawah struktur organisasi JAIS, setiap tindakan perlu melalui JAIS terlebih dahulu. Berbanding keadaan sekarang di mana Mufti boleh terus merujuk kepada MAIS tanpa perlu melalui mana-mana pihak lagi.

Walau bagaimanapun, struktur organisasi PMNS yang ada sekarang ini adalah kecil. PMNS perlu menambah bahagian-bahagian yang terdapat dalam pentadbirannya seperti bahagian perhubungan awam, bahagian komputer, bahagian penyelidikan sebagaimana yang dicadangkan oleh penyelidik Universiti Malaya dalam projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia, IRPA (07-02-03-

0403).¹³ Penubuhan bahagian-bahagian ini penting untuk melicinkan pentadbiran kefatwaan serta dapat menyebarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dengan lebih berkesan.

PMNS tidak sepatutnya bergantung kepada bahagian Penyelidikan JAIS sepertimana sekarang. Sepatutnya, bahagian ini disediakan dalam struktur organisasi PMNS sepertimana dalam carta 3. Bahagian ini mestilah diberi perhatian oleh PMNS kerana kajian yang dijalankan amat berguna untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terhadap sesuatu isu.

Perubahan sedikit demi sedikit dalam pentadbiran fatwa sehingga tertubuhnya PMNS pada tahun 1995 menunjukkan reaksi positif dalam memartabatkan lagi institusi ini. Kalau dahulunya bahagian Fatwa diletakkan satu bahagian dalam JAIS, tetapi kini ianya berdiri sebagai satu badan yang tersendiri.

2.2 Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor

Pada awal penubuhannya, kakitangan PMNS terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, seorang kerani dan seorang pemandu. Keadaan ini hanya berubah bermula 1 Januari 1996 apabila beberapa jawatan baru telah diisi.¹⁴ Jawatan-jawatan tersebut termasuklah pegawai hal ehwal agama Islam, penolong pegawai hal ehwal Islam, pembantu hal ehwal Islam, penolong pegawai tadbir, pembantu

tadbir (p/o), pembantu tadbir (kesetiausahaan), pembantu tadbir rendah, pembantu am rendah dan pemandu. Kesemua jawatan ini telah dipenuhi pada awal tahun 1999.¹⁵ Ini bermakna, kakitangan PMNS sekarang adalah seramai sebelas orang sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 3

Kedudukan Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor 1999

Nama Jawatan	Gred	Taraf Jawatan	Pengisian
Mufti	S1	Tetap (dipinjamkan dari JAIS)	1
Timbalan Mufti	S3	Kontrak	1
Pegawai hal ehwal agama Islam	S3	Tetap	1
Penolong pegawai hal ehwal Islam	S5	Tetap	1
Pembantu hal ehwal Islam	S7	Tetap	1
Penolong pegawai tadbir	N6	Tetap	1
Pembantu tadbir (p/o)	N6	Tetap	1
Pembantu tadbir (kesetiausahaan)	N9	Tetap	1
Pembantu tadbir rendah	N11	Tetap	1
Pembantu am rendah	N13	Tetap	1
Pemandu	R10	Tetap	1

(Sumber: Pejabat Mufti Negeri Selangor)

Walau bagaimanapun, jadual 3 menunjukkan jumlah kakitangan yang ada di PMNS sekarang adalah sedikit dan kecil berbanding dengan saiz kakitangan JAIS dan Mahkamah Syariah. Jumlah kakitangan seramai 11 orang ini tidak mampu melakukan tugasnya dengan berkesan kerana beban tugas yang terpaksa ditanggung adalah terlalu banyak terutama sekali oleh pegawai kerana hanya terdapat seorang pegawai sahaja di PMNS.¹⁶

Memandangkan bilangan kakitangan yang sedikit, PMNS hendaklah menambah jumlah kakitangannya untuk menampung beban kerja yang ditanggung. Pertambahan bilangan kakitangan perlu dibuat terutamanya pada kategori pengurusan dan profesional. Tambahan kakitangan sekurang-kurangnya buat masa ini ialah seramai tiga orang termasuklah seorang darinya yang berkelulusan bidang Usuluddin. Sehingga kini, PMNS lebih mementingkan lulusan Syariah dan mengeneipkan bidang Usuluddin. Memandangkan keperluan masyarakat hari ini yang banyak dipengaruhi ajaran-ajaran yang menyeleweng, maka bidang Usuluddin tidak boleh dipandang remeh lagi.

Selain daripada itu, PMNS mestilah menempatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai wanita dalam pentadbirannya.¹⁷ Sehingga kini, penglibatan wanita dalam institusi ini amat asing sekali. Tidak ada sebarang halangan sekiranya pegawai wanita diambil bertugas dalam PMNS. Ini kerana pegawai wanita tersebut dapat mendengar permasalahan yang diajukan oleh seorang wanita yang lain dengan teliti dan lebih berkesan.

Dari penerangan di atas, maka dapatlah dibuat kesimpulan mengenai perjawatan di PMNS adalah sepertimana dalam jadual di bawah:

Jadual 4

Ringkasan Perjawatan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Perkara	Jumlah
1. Kumpulan Pengurusan Tertinggi	-
2. Kumpulan Pengurusan dan Profesional	2
3. Kumpulan Sokongan	8
Jumlah	10

(Sumber: Anggaran Negeri Selangor 1999, Senarai Perjawatan Pejabat Mufti, SUK)

Kedudukan jadual di atas hanya menunjukkan perjawatan tetap kakitangan PMNS sahaja. Jawatan Timbalan Mufti tidak dimasukkan kerana taraf jawatannya adalah secara kontrak dan satu-satunya jawatan kontrak yang ada dalam pentadbiran PMNS pada masa ini.

2.3 Skim Perkhidmatan Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor

Mufti diberikan gred gaji melalui skim perkhidmatan sosial S1. Mufti yang ada sekarang iaitu Dato' Haji Mohd. Tamyas Abd. Wahid merupakan kakitangan yang dipinjamkan oleh JAIS dan taraf jawatan adalah tetap.¹⁸ Hal ini berbeza dengan amalan terdahulu kerana jawatan Mufti ditawarkan secara kontrak.¹⁹ Pada kebiasaannya, tempoh kontrak adalah selama 2 tahun²⁰ dan akan diperbaharui sekiranya mendapat perkenan dari DYMM Sultan. Sebagai jawatan kontrak, Mufti tidak menerima sebarang wang pencen.

Jawatan Timbalan Mufti pula menerima skim perkhidmatan sosial gred S3. Jawatan ini turut ditawarkan secara kontrak²¹ dan Timbalan Mufti menerima gred gaji sama dengan gred yang diterima oleh pegawai hal ehwal Islam. Skim yang diberikan kepada Timbalan Mufti ini adalah tidak seimbang dengan kedudukan Timbalan Mufti yang sepatutnya diletakkan lebih tinggi daripada pegawai hal ehwal Islam.

Gred gaji yang diterima oleh Mufti dan Timbalan Mufti harus ditingkatkan berdasarkan kepada kedudukan mereka dalam organisasi ini. Berdasarkan hal tersebut, Mufti seharusnya dimasukkan dalam kumpulan Pengurusan Tertinggi yang layak diberi gred gaji Khas "C".²² Timbalan Mufti juga seharusnya dinaikkan gred gajinya kepada S1 sesuai dengan kedudukannya. Manakala skim gaji yang diberikan kepada pegawai hal ehwal Islam pula adalah sesuai dengan kedudukannya yang ada sekarang kerana gred yang sama juga diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Berbeza dengan jawatan Timbalan Mufti, jawatan pegawai hal ehwal Islam ini merupakan satu jawatan tetap.

Kakitangan sokongan menerima skim perkhidmatan yang berbeza. Kakitangan sokongan di bahagian Istinbat diberikan skim di bawah perkhidmatan sosial iaitu gred S5 dan S7. Manakala kakitangan sokongan di bahagian Pentadbiran dan Kewangan pula menggunakan skim perkhidmatan pentadbiran (skim N). Bagi skim N, jawatan tertinggi yang terdapat di PMNS ialah penolong

pegawai tadbir dan pembantu tadbir (p/o) yang menerima gred N6. Manakala bagi jawatan-jawatan lain iaitu pembantu tadbir (kesetiausahaan) (N9), pembantu tadbir rendah (N11) dan pembantu am rendah (N13).

2.4 Objektif Penubuhan Pejabat Mufti Negeri Selangor

Objektif yang telah dibuat oleh PMNS bersesuaian dengan peranannya sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam dalam hal ehwal agama Islam. Sebanyak empat objektif telah ditentukan oleh PMNS semasa penubuhannya.

Perkara pertama yang digariskan ialah untuk memberi nasihat kepada DYMM Sultan, kerajaan dan masyarakat berkaitan persoalan-persoalan serta permasalahan umat Islam yang berkaitan aspek kefatwaan terutama isu-isu semasa.²³ Sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 30, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 yang menyatakan:

“Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syara’, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini”.

Mufti juga akan dipanggil untuk memberi pandangan terhadap permasalahan tersebut atas perintah DYMM Sultan atau memberi nasihat apabila diminta oleh DYMM Sultan. Mufti turut berperanan memberi nasihat dalam perkara-perkara lain seperti menentukan pengeluaran sijil halal haram terhadap sesuatu barang, melihat anak bulan, menentukan sama ada seseorang itu boleh diberi tauliah mengajar dan sebagainya.²⁴ Manakala bagi masyarakat Islam yang menghadapi sebarang permasalahan berhubung agama Islam pula boleh mengemukakan pertanyaan mereka kepada Mufti untuk mendapat nasihat. Komunikasi di antara masyarakat dengan Mufti dipermudahkan dengan penggunaan internet dan seseorang boleh menghantar e-mail terus kepada Mufti di alamat mufti@selangor.com.

Objektif kedua adalah untuk mewujudkan fatwa-fatwa yang benar-benar lengkap dan kemas berlandaskan hukum Syarak.²⁵ Apa yang dimaksudkan fatwa yang lengkap dan kemas ialah sesuatu fatwa yang lengkap dengan dalil semasa dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dan diwartakan.

Penganalisan fatwa-fatwa terdahulu dan juga yang semasa amat baik untuk dijadikan panduan kepada umat Islam.²⁶ Fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' merupakan salah satu daripada sumber undang-undang yang diterima pakai apabila diwartakan.²⁷ Oleh kerana

permasalahan yang lalu mungkin akan dihadapi oleh generasi yang terkemudian, adalah wajar sekiranya ia dibukukan sebagai bahan panduan. Selain dari itu, satu bank fatwa perlu diadakan sepertimana yang dilakukan di negeri Kedah di mana ianya dapat dilayari di internet melalui halaman (<http://www2.kedah.gov.my/mufti/umum1.htm>).

Berbanding dengan apa yang berlaku dahulu, kebanyakan fatwa yang dijawab tidak dicatitkan dalilnya. Kegagalan mencatat atau menyimpan segala minit mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' adalah amat merugikan sekali. Ini kerana sekiranya pegawai yang bertugas pada masa tersebut telah pencen dan sebagainya, maka pegawai yang menggantikannya tidak mengetahui dokumen-dokumen tersebut. Di samping itu juga, pegawai yang baru bertugas tidak dapat merujuk meskipun permasalahan yang dihadapi merupakan masalah yang sama. Bagi mengelakkan perkara sebegini berulang, PMNS telah mengambil inisiatif untuk mendokumentasikan keputusan dan kertas kerja fatwa setiap tahun.²⁸

Untuk mengaplikasikannya, PMNS harus membuat analisa ke atas semua fatwa yang telah dikeluarkan untuk memastikan sama ada ianya masih boleh digunakan atau tidak.²⁹ Fatwa-fatwa yang masih boleh diterima pakai hendaklah dikumpulkan. Jika fatwa tersebut boleh digunakan tetapi tidak mempunyai dalil, pihak PMNS akan mencari dalilnya. Selain dari itu, sekiranya didapati fatwa tersebut tidak boleh digunakan dan tidak sesuai untuk masa kini, ianya akan dibawa

ke mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bersama-sama dalil dan hujah untuk menolak fatwa tersebut serta alasan untuk hukum baru atas masalah yang sama.³⁰

Pendokumentasian fatwa sebenarnya amat berfaedah kepada para kadi, ilmuan serta pelajar untuk memahami bagaimana sesuatu hukum itu dikeluarkan dan kaedah istinbat yang digunakan. Usaha untuk mewujudkan fatwa yang benar-benar mantap amat perlu berikutan perkembangan umat manusia yang semakin kompleks. Hanya fatwa yang benar-benar lengkap sahaja akan dapat diterima oleh masyarakat tanpa sebarang pertikaian.

Ketiganya ialah untuk mewujudkan penyelarasan fatwa antara negeri-negeri di Malaysia.³¹ Sebagai ahli badan induk Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, PMNS merasa bertanggungjawab mengambil kira segala keputusan yang dibuat oleh badan induk untuk dilaksanakan. Akan tetapi, keputusan yang diambil oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak mengikat negeri-negeri untuk mengambil keputusan yang sama.³² Isu ketidakselarasan fatwa antara negeri-negeri seluruh Malaysia adalah isu lama kerana sehingga kini ianya belum dapat direalisasikan sepenuhnya.

Penyelarasan fatwa antara negeri di Malaysia setakat ini masih tidak boleh dilaksanakan kerana terikat dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Dalam Jadual 9, Senarai 2, senarai negeri (1), Perlembagaan Persekutuan telah dinyatakan

bahawa agama Islam adalah di bawah bidangkuasa negeri. Selagi peruntukan ini tidak diubah, maka selagi itulah penyelarasan bukan sahaja fatwa bahkan enakmen pentadbiran sekalipun tidak akan dapat dilaksanakan di Malaysia. Inilah implikasi yang nyata dari peruntukan tersebut yang jelas menghalang sebarang usaha penyelarasan berkaitan agama Islam antara negeri-negeri.

Contoh fatwa yang jelas tiada keseragaman antara negeri ialah fatwa pengharaman merokok dan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Negeri Selangor telah memfatwakan merokok³³ dan pelaburan dalam ASB³⁴ adalah haram. Fatwa tentang pengharaman merokok ini telah diwartakan dan ianya telah berkuatkuasa di negeri Selangor. Tidak semua negeri di Malaysia mengambil keputusan yang sama terhadap isu tersebut. Begitu juga dengan ASB sekalipun fatwa ini tidak diwartakan tetapi keputusan tentang hukum haramnya amat jelas dinyatakan dalam fatwa Selangor.³⁵ Akan tetapi, ada negeri yang memfatwakan pelaburan dalam ASB hukumnya adalah harus.³⁶ Keputusan yang tidak seragam sedikit sebanyak mengelirukan masyarakat untuk mengikuti yang mana satukah keputusan yang harus diikuti. Kegagalan menyeragamkan fatwa bagi isu yang sama turut memberikan gambaran buruk terhadap institusi fatwa itu sendiri.

Selain dari itu, teks fatwa di antara negeri juga tidak seragam sekalipun perkara yang diwartakan adalah sama. Ada di antara negeri yang membuat warta

fatwa secara ringkas sedangkan negeri-negeri yang lain membuat warta secara ditil terutamanya teks fatwa ajaran sesat.

Keempat ialah untuk membangunkan dan meneroka aspek-aspek baru dalam bidang kefatwaan.³⁷ Aspek-aspek baru yang dimaksudkan di sini ialah meneroka sesuatu yang masih belum dibincangkan oleh ulama terdahulu.³⁸ Jawapan yang dicari itu mestilah boleh memberikan keyakinan kepada masyarakat yang memerlukan keputusan yang muktamad. Di samping itu, keputusan yang dibuat adalah demi kepentingan masyarakat itu sendiri.

Contoh isu yang dibangkitkan ialah imunisasi yang mengandungi bahan yang terlarang dan juga yang tidak terlarang.³⁹ Dengan ini kajian telah dibuat ke atasnya dan ianya merupakan isu baru yang perlu ditangani segera. Kajian oleh pihak MARDI mendapati tanduk rusa boleh dibuat ubat lelah dan sebagainya di samping boleh dijadikan bahan makanan. Bukan itu sahaja, bahkan ianya boleh dikomersialkan demi kepentingan masyarakat dan juga kepada bidang perubatan dan ekonomi. Inilah yang dimaksudkan dengan membangun dan menerokai aspek baru dalam fatwa.⁴⁰

Penyelidikan yang dijalankan perlu merangkumi pelbagai bidang profesional termasuklah bidang perubatan, pergigian, perbankan dan lain-lain. Ini bermakna, peranan dan sumbangan dari golongan profesional penting agar

penyelidikan yang dijalankan benar-benar berkesan. Dari segi amalannya sekarang, penyelidikan yang dijalankan sekarang adalah di bawah tanggungjawab bahagian Penyelidikan JAIS dan kosnya diambil dari bahagian ini.⁴¹

Melihat kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa didapati isu-isu lama yang dibangkitkan dan berulang terutamanya dalam hal berkaitan zakat. Peningkatan tahap persoalan yang dikemukakan dan juga penerokaan terhadap isu-isu baru tidak begitu menonjol. Ianya sekaligus menunjukkan peningkatan daya keintelektualan masyarakat. Oleh yang demikian PMNS harus meneroka aspek-aspek baru dengan melihat kepada apa yang difikirkan wajar dan perlu untuk dilaksanakan.

Garis panduan di atas menjelaskan kepada kita bahawa institusi ini bertanggungjawab untuk membangunkan tahap intelektual masyarakat berkaitan dengan fatwa. Selain daripada tugas menasihati DYMM Sultan dan juga masyarakat umum, adalah menjadi cita-cita kerajaan untuk menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.⁴² Keselarasan fahaman masyarakat perlu diwujudkan untuk mengelakkan dari berlakunya kekeliruan terhadap sesuatu permasalahan.

2.5 Bidang Tugas Mufti

Secara keseluruhannya, Mufti mengetuai pentadbiran PMNS. Terdapat lapan belas senarai tugas yang telah ditetapkan kepada Mufti termasuklah sebagaimana yang diperuntukkan dalam enakmen. Bidang tugas Mufti yang disebutkan dalam enakmen ialah ahli mesyuarat MAIS,⁴³ pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara',⁴⁴ mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi serta menjawab pertanyaan hukum-hukum agama Islam, ⁴⁵ memberi nasihat kepada DYMM Sultan⁴⁶ dan kerajaan negeri. Di samping itu, Mufti juga berfungsi menjadi ahli rasmi kepada Dewan DiRaja Selangor. Perlantikan Mufti sebagai ahli Dewan DiRaja Selangor dibuat oleh DYMM Sultan menurut jawatannya. ⁴⁷

Manakala tugas-tugas lain adalah ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, merangka fatwa-fatwa Syariah negeri Selangor serta menyelenggara kertas kerja mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.⁴⁸ Keanggotaan Selangor sebagai ahli bagi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bermula sejak tahun 1970 lagi.⁴⁹

Selain dari itu, Mufti turut memeriksa dan menyemak buku-buku agama supaya ajaran-ajaran salah dan menyeleweng tidak dapat diedar kepada umum.⁵⁰ Tugas ini adalah sesuai dengan Mufti kerana banyaknya penyebaran ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam berlaku di Selangor. Sebagai buktinya, banyak

daripada fatwa-fatwa yang diwarta adalah berkaitan dengan pengharaman ajaran sesat.

Namun, tugas Mufti yang lazim dilihat ialah membaca doa semasa majlis-majlis tertentu diadakan seperti perayaan DiRaja Selangor, perayaan anjuran kerajaan negeri termasuklah oleh pihak jabatan, kementerian, persatuan dan sebagainya.⁵¹ Tugas ini turut dilakukan oleh Mufti-Mufti terdahulu dan ianya diteruskan sehingga kini.

Selain daripada mengetuai PMNS, Mufti turut terlibat sebagai ahli kepada beberapa buah jawatankuasa. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Zakat/Fitrah Selangor, Jawatankuasa Pembangunan dan Baitulmal Selangor, Jawatankuasa Penerangan dan Dakwah Selangor serta Jawatankuasa Penyeliaan Masjid-Masjid Selangor.⁵² Keanggotaan Mufti dalam kesemua jawatankuasa ini sebenarnya telah berlaku sejak tahun 1968 lagi.⁵³ Manakala keanggotaan Mufti sebagai ahli jawatankuasa Baitulmal telah bermula sejak tahun 1955.⁵⁴

Mufti turut terlibat dalam tugas menyemak dan menilai penulisan khutbah Jumaat dan Hari Raya.⁵⁵ Sekiranya DYMM Sultan atau Pemangku Raja berangkat pada masa itu, Mufti akan mengimamkan sembahyang dan sekaligus membaca khutbah.⁵⁶ Tugas ini turut dilakukan oleh pemegang jawatan Mufti tahun 1968.⁵⁷

Sekiranya terdapat permintaan dari mana-mana pihak, Mufti akan memberi ceramah di masjid-masjid atau kursus.⁵⁸ Tugas memberi ceramah atau syarahan ini sebenarnya salah satu daripada tugas penting Mufti dari dahulu hinggalah sekarang.

Manakala dalam menentukan tarikh permulaan puasa dan Hari Raya Puasa, Mufti akan mengetuai pegerakan anak bulan bagi mengesahkannya.⁵⁹ Kalau dahulu, tugas melihat anak bulan merupakan Kadi Besar dan Kadi daerah.⁶⁰ Di samping itu juga, tugas melihat anak bulan untuk tarikh puasa dan Hari Raya sahaja tetapi juga untuk menentukan awal bulan Muharam, Safar, Rabiul Awwal, Rejab, Sya'aban, Zulhijjah dan juga Hari Raya Haji.⁶¹

Dari keterangan di atas didapati Mufti mempunyai tugas yang tidak hanya berkaitan dengan kefatwaan sahaja tetapi juga meliputi hal-hal lain. Beban tugas Mufti terlalu banyak kerana tidak banyak perbezaannya jika dibandingkan semasa Mufti diasingkan atau tidak diasingkan dari JAIS. Ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan penumpuan Mufti terhadap hal berkaitan kefatwaan.

Mufti banyak dibantu oleh Timbalan Mufti dalam menjalankan tugasnya. Bersesuaian dengan namanya, maka Timbalan Mufti banyak membantu dan menggantikan tempat Mufti semasa ketiadaannya. Sebelum adanya jawatan

Timbalan Mufti, Kadi Besar akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa sewaktu ketiadaan Mufti.⁶²

Timbalan Mufti juga menjadi pengganti Mufti semasa ketiadaannya terutamanya dalam menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, membaca doa di upacara-upacara yang dijalankan, Jawatankuasa Falak Negeri Selangor, membaca khutbah seterusnya mengimamkan sembahyang Jumaat atau Hari Raya semasa keberangkatan DYMM Sultan atau Pemangku Raja.⁶³

Selain daripada Timbalan Mufti, Mufti turut dibantu oleh seorang pegawai hal ehwal agama Islam. Selain daripada terlibat dalam hal kefatwaan, tugas pegawai hal ehwal Islam adalah berkaitan dengan kerja-kerja pentadbiran.⁶⁴

Pegawai hal ehwal Islam PMNS merupakan setiausaha kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Oleh yang demikian segala butir-butir mesyuarat akan dicatat olehnya. Sebagai satu unit penyelidikan dalam PMNS, tugas mengawasi serta menyelia unit tersebut adalah dalam bidang tugas pegawai. Di samping itu juga turut menyelia unit audio visual serta dokumentasi PMNS.⁶⁵

Manakala tugas yang melibatkan fatwa ialah menyediakan ulasan bagi kertas kerja yang akan dikemukakan kepada mesyuarat Jawatankuasa Perunding

Hukum Syara', melakukan kajian terhadap isu yang menjadi permasalahan dan menjalankan proses pewartaan fatwa.⁶⁶

Pegawai hal ehwal Islam juga bertindak sebagai pegawai perhubungan awam PMNS serta membantu Mufti merancang kursus dan latihan kepada kakitangan. Selain dari itu, kerja-kerja pentadbiran yang lain adalah seperti menyediakan anggaran perbelanjaan, merancang kerja tahunan, prestasi pegawai dan sebagainya.⁶⁷

2.6 Kemudahan-Kemudahan di Pejabat Mufti Negeri Selangor

PMNS sekarang ini terletak di tingkat 4, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah atau dikenali sebagai Bangunan SUK Selangor. Sebelum daripada itu, PMNS diletakkan di tingkat 3 tetapi terpaksa berkongsi dengan bahagian Penyelidikan JAIS. Memandangkan keadaan tempat yang tidak sesuai dan sempit, maka pada 22 Februari 1999, PMNS telah berpindah ke tingkat 4. Dengan keadaan sekarang, PMNS berada dalam keadaan selesa dan kawasannya luas berbanding dahulu. Mufti, Timbalan Mufti dan pegawai hal ehwal Islam mempunyai biliknya sendiri yang amat selesa untuk menjalankan tugas.

Pelbagai kemudahan dinikmati oleh PMNS tidak kira sama ada kemudahan pejabat dan juga kemudahan-kemudahan lain. Kemudahan yang diterima oleh

PMNS ialah komputer, perpustakaan, bilik mesyuarat, kenderaan dan juga penerbangan kelas pertama.⁶⁸

Tidak semua kemudahan ini diperolehi sebelum PMNS diasingkan dari JAIS. Keadaan yang selesa ini harus diberikan memandangkan kedudukan institusi Mufti dan fatwa yang telah diletakkan begitu tinggi pada masa ini.

2.7 Peruntukan Perbelanjaan Pejabat Mufti Negeri Selangor

PMNS diberi peruntukan perbelanjaan berdasarkan kepada Enakmen Perbekalan Negeri pada setiap tahun. Peruntukan-peruntukan yang diluluskan ini diambil daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi membiayai perkhidmatan negeri serta maksud-maksud tertentu.

Di awal penubuhannya, PMNS mendapat peruntukan kewangan dan perbelanjaan dari vot. B. 14 yang diletakkan di bawah bahagian agama Islam.⁶⁹ Namun, peruntukan tersebut telah ditukar kepada vot B. 28 iaitu bahagian Mufti mulai tahun 1999.⁷⁰

Pada tahun 1996, sejumlah RM131,090.00 diperuntukkan untuk dibelanjakan. Peruntukan untuk PMNS bertambah pada tahun 1997 apabila sebanyak RM300,830.00 telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Perbezaan di antara

jumlah yang diperuntukkan antara tahun 1996 dan 1997 ialah sebanyak RM169,740.00 atau kenaikan sebanyak 129.5%.

Pada tahun 1998, sebanyak RM681,772.00.00 telah diluluskan untuk operasi pentadbiran PMNS. Peningkatan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM380,942.00 berbanding dengan tahun 1997 atau kenaikan sebanyak 126.6%. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk PMNS telah menurun pada tahun 1999 apabila hanya RM475,464.00 sahaja telah diluluskan. Penurunan jumlah peruntukan di antara tahun 1999 dengan tahun 1998 ialah sebanyak RM206,308.00 atau penurunan sebanyak 30.3%. Akan tetapi, peruntukan untuk tahun 2000 kembali meningkat apabila RM502,670.00 telah diluluskan iaitu peningkatan sebanyak 5.72%. Jadual di bawah menunjukkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan:

Jadual 5

Jumlah Peruntukan Perbelanjaan Pejabat Mufti Negeri Selangor

Tahun	Jumlah Peruntukan
1996	RM131,090.00
1997	RM300,830.00
1998	RM681,772.00
1999	RM475,464.00
2000	RM502,670.00

(Sumber:PMNS)

Dari jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan, sebahagian daripadanya digunakan untuk kerja-kerja penyelidikan fatwa. Dalam hal ini, PMNS boleh

meminta mana-mana pihak yang berkepakaran dalam sesuatu bidang supaya menyediakan satu kertas kerja atau memanggil untuk memberi penerangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’.

Pada kebiasaannya peruntukan perbelanjaannya diambil dari kod 29000 atau perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan iktisas yang dibeli.⁷¹ Di bawah kod ini terdapat kod-kod lanjutan seperti perkhidmatan yang dibeli (29100), perkhidmatan percetakan dan menjilid yang dibeli (29200), upah (29300) dan keraian, hospitaliti dan honorarium (29400). Pada kebiasaannya, peruntukan di bawah kod ini diberi perhatian dan mendapat peruntukan dalam jumlah yang besar. Jadual di bawah menunjukkan jumlah peruntukan kod ini dari jumlah peruntukan keseluruhan bagi tahun-tahun tersebut:

Jadual 6

Peruntukan Penyelidikan Fatwa di Pejabat Mufti Negeri Selangor

Kod	Perkara	1996	1997	1998
29000	Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli	-	RM50,000	RM200,00
JUMLAH KESELURUHAN		RM131,090	RM300,830	RM681,772

(Sumber:PMNS)

Jadual di atas menunjukkan bahawa pada tahun 1996, peruntukan di bawah kod ini tidak ada. Walau bagaimanapun, pada tahun 1997 sejumlah RM50,000 telah diperuntukkan atau 16.6% daripada jumlah peruntukan untuk tahun tersebut. Jumlah bawah kod ini telah bertambah pada tahun 1998 apabila sebanyak RM200,000 telah diperuntukkan daripada RM681,772 iaitu 29.3%. Jumlah yang diperuntukkan ini adalah memadai untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan fatwa. Akan tetapi, adalah lebih baik sekiranya peruntukan mengenainya ditambah dan dikekalkan peratusannya di antara 25 hingga 30 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan tahunan.

Nota Hujung

- 1 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan**, diterbitkan oleh Pejabat Mufti Negeri Selangor.
- 2 <http://www.selangor.gov.my/mufti/Pengenalan/pengenalan.htm>.
- 3 Boleh dikatakan kebanyakan negeri di Malaysia telah menjalankan usaha untuk mengasingkan Mufti daripada pentadbiran Jabatan Agama Islam. Negeri-negeri lain yang telah mengasingkannya ialah negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan. Negeri Sabah masih lagi dalam proses pengasingan manakala negeri Kelantan dikatakan tidak pernah meletakkan Mufti di Jabatan atau Majlis Agama Islam. Lihat dalam Mohamed Azam Mohamed Adil, Laporan Organisasi dan Pentadbiran Jabatan Mufti, Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), Universiti Malaya, m.s. 31.
- 4 Fail Pejabat Ugama Islam Kajang 1954-1969, bil. 2/58.
- 5 *Ibid.*
- 6 *Ibid.*
- 7 Fail Pejabat Ugama Islam Sabak Bernam 1956-1974, bil. 4/64. Lihat juga Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, bil. 6/54.
- 8 *Ibid.*
- 9 Fail Pejabat Ugama Islam Sungai Besar 1954-1973, bil. 5/68.
- 10 Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 1952-1953, bil. 388/53.
- 11 Md. Razali bin Hasanusi, pegawai hal ehwal Islam PMNS, temubual pada 20 November 1999, jam 11 pagi.
- 12 Nordin Bayadi, pegawai di bahagian Penyelidikan JAIS, temubual pada 20 April 2000, jam 10.15 pagi.
- 13 Ringkasan Laporan dan Kesimpulan, Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), Universiti Malaya, m.s. 131.

- 14 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.***
- 15 Md. Razali Hasanusi, *op. cit.*
- 16 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.***
- 17 Zaharani Asran, "Pembantu Mufti...Lebih Ramai Wanita Perlu Dilantik", **Utusan Malaysia**, 1 Mei 2000.
- 18 Raihanah Hj. Abdullah, "Laporan Personel dan Sumber Manusia Jabatan Mufti", Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), m.s. 50.
- 19 Sa'odah Elias, "Selangor Mufti's Contract Not Renewed", **New Straits Times**, 16 Oktober 1997.
- 20 *Ibid.*
- 21 Raihanah Hj. Abdullah, *op. cit.*, m.s. 52.
- 22 "Ringkasan Laporan dan Kesimpulan", Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia, (IRPA 07-02-03-0403), m.s. 125.
- 23 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor, *op. cit.***
- 24 Temubual dengan Abdul Malek bin Hj. Ghazali pada 11 Februari 1998, jam 11 pagi.
- 25 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor, *op. cit.***
- 26 Muzakarah Mufti dan Kadi Besar Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, 1978 yang berlangsung pada 4-5hb., Kertas Kerja, m.s. 3.
- 27 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 28 Abdul Malek bin Hj. Ghazali, *op. cit.*
- 29 *Ibid.*
- 30 *Ibid.*
- 31 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor, *op. cit.***

- 32 Abdul Malek bin Hj. Ghazali, *op. cit.*
- 33 **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 7 Disember 1995.
- 34 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor tahun 1993, m.s. 22-23.
- 35 *Ibid.*
- 36 Negeri Kedah memfatwakan bahawa ASN dan ASB adalah halal (lihat dalam Koleksi Fatwa Syariah, Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-0304), Jil. 3, Universiti Malaya, m.s. 543.
- 37 **Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor**, *op. cit.*
- 38 Abdul Malek bin Hj. Ghazali, *op. cit.*
- 39 *Ibid.*
- 40 *Ibid.*
- 41 *Ibid.*
- 42 Muzakarah Mufti dan Kadi Besar Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, *op. cit.*
- 43 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.*
- 44 *Ibid.*
- 45 *Ibid.*
- 46 *Ibid.*
- 47 *Ibid.*
- 48 *Ibid.*
- 49 Wan Zaliana Wan Lolok (1992), "Fatwa-Fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan: Satu Analisa Ringkas," Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, m.s. 23.
- 50 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.

- 51 *Ibid.*
- 52 Fail Pejabat Ugama Islam Sungai Besar 1954-1973, bil. 5/68.
- 53 *Ibid.*
- 54 Fail Pejabat Ugama Islam Kajang 1954-1969, bil. 8/55.
- 55 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.*
- 56 *Ibid.*
- 57 Fail Pejabat Ugama Islam Sungai Besar 1954-1973, bil. 5/68.
- 58 *Ibid.*
- 59 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.*
- 60 Fail Pejabat Ugama Islam Sungai Besar 1954-1973, bil. 5/68.
- 61 Fail Pejabat Ugama Islam Kajang 1954-1969, bil. 8/55.
- 62 Fail Pejabat Ugama Islam Sabak Bernam 1956-1974, bil. 4/71.
- 63 Fail Meja Kakitangan Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan, *op. cit.*
- 64 *Ibid.*
- 65 *Ibid.*
- 66 *Ibid.*
- 67 *Ibid.*
- 68 Mohamed Azam Mohamed Adil, *op. cit.*, m.s. 42., Md. Razali bin Hasanusi, *op. cit.*
- 69 **Enakmen Perbekalan (1998) 1997.**
- 70 **Enakmen Perbekalan (1999) 1998.**
- 71 Mohd. Azmi Abdul Manan, Pen. Pegawai Tadbir PMNS, temubual melalui telefon pada 12 Februari 2001, jam 10 pagi.